

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Puan Rubiah binti Haji Wang  
[ Kota Samarahan ]**

**TARIKH : 12.06.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 114**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah status terkini daripada segi pencapaian transformasi komuniti bagi masyarakat di luar bandar.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Agenda utama Kementerian ini adalah untuk mentransformasikan kepimpinan JKKK dan JKKKP agar menjadi agen transformasi yang berkesan dalam **menggerakkan penglibatan aktif komuniti setempat** bagi merealisasikan wawasan desa yang cemerlang, makmur dan sejahtera.

Bagi tujuan ini, Kementerian telah melaksanakan beberapa strategi baru secara bersepadu ke arah mencapai agenda transformasi komuniti tersebut, iaitu:-

- i) Memantapkan pengurusan JKKK dan JKKKP di seluruh negara melalui penyediaan Garis Panduan JKKK dan JKKKP yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 November 2013. Model Baharu JKKK dan JKKKP yang mula dilaksanakan pada tahun 2014 ini memberi penekanan kepada aspek pemilihan anggota JKKK dan JKKKP, kriteria umur, tempoh perkhidmatan, kelayakan akademik dan kompetensi iaitu kursus induksi, dan Penanda Aras Utama (KPI);
- ii) Bermula tahun 2014, kesemua 15,552 ahli JKKK dan JKKKP di seluruh negara akan didaftarkan di bawah Gerakan Daya Wawasan (GDW) secara berperingkat-peringkat. Sejumlah 1,000 Penggerak terlibat dalam pelaksanaan GDW ini;

- iii) Mengadakan pelbagai kursus / latihan / program pemerkasaan JKKK dan JKKKP antaranya ialah Seminar Transformasi Luar Bandar, Program Mentor-Mentee, Lawatan Integrasi dan Konvensyen GDW 3.0;
- iv) Mewujudkan pelbagai bentuk pertandingan iaitu Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M) dan Anugerah Ilham Desa (AID) bagi menyemarakkan penglibatan komuniti dalam pembangunan kampung. Selain itu, Kementerian turut mengadakan pertandingan *Rural Business Challenge* (RBC) mulai tahun 2012. Program ini merupakan satu inisiatif di bawah *Government Transformation Programme* (GTP) 2.0 yang memberi fokus kepada belia luar bandar dalam pembangunan keusahawanan dan perniagaan luar bandar.
- v) Menyediakan aktiviti ekonomi berskala besar kepada kampung yang berjaya melalui proses penilaian di bawah Program Desa Lestari Abad Ke-21. Program ini mula diperkenalkan pada tahun 2013. Sebanyak 29 kampung Desa Lestari telah dipilih pada tahun 2013 dan 13 kampung bagi tahun 2014. Kampung-kampung yang terpilih akan menubuhkan koperasi sebagai platform baru untuk melaksanakan projek-projek ekonomi berskala besar yang dapat meningkatkan pendapatan dan membuka peluang pekerjaan penduduk kampung terlibat, termasuk golongan belia.

**SOALAN ( 115 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)**

**DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan perancangan yang akan dilaksanakan di seluruh negara dalam jangka pendek dan panjang dalam memproses sampah domestik dan memanfaatkan dalam bentuk guna semula dan ditukar kepada tenaga.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar akan betapa pentingnya memproses sampah domestik atau sisa pepejal untuk diguna semula dan ditukar kepada tenaga. Sebab itulah dalam Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2006 jelas menyatakan bahawa pengurusan sisa pepejal akan dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada aktiviti *Reduce, Reuse & Recycle (3R)*, diikuti dengan rawatan perantaraan dan akhirnya pelupusan akhir. Aktiviti 3R dalam hal ini, diterjemahkan kepada penggunaan semula dan pertukaran sisa kepada tenaga. Rancangan Malaysia ke 10 seterusnya memberi penekanan supaya teknologi baru bagi menambah baik pelupusan dan rawatan hendaklah memaksimumkan pemerolehan semula sumber dan tenaga. Selaras dengan dasar yang ditetapkan ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dan sedang melaksanakan projek-projek kemudahan sisa pepejal seperti pembinaan tapak pelupusan sanitari yang dapat mengumpul gas metana untuk menjana tenaga elektrik; loji rawatan

termal (insinerator) di Pulau Langkawi yang merawat 100 tan sisa pepejal dan boleh menjana tenaga boleh baharu (tenaga elektrik) sehingga 1MW. KPKT juga merancang untuk membina sebuah loji waste to energy (WtE) di Kepong, Kuala Lumpur yang akan merawat 1,000 tan sisa pepejal sehari dan dijangka boleh menghasilkan minimum 10MW tenaga boleh baharu. KPKT juga merancang untuk membina 2 buah lagi loji WtE yang dijangka ditender pada tahun 2015 iaitu di Sungai Udang, Melaka dan Bukit Payong, Johor.

Di samping loji rawatan termal yang disebutkan tadi, Kementerian juga dalam proses untuk melaksanakan sebuah projek perintis selama 6 tahun berasaskan pendekatan strategi lautan biru yang memberi manfaat kepada dua agensi iaitu KPKT dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) yang melibatkan pengurusan sisa makanan dan enapcemar (*sludge*). Projek ini akan menggunakan kemudahan *anaerobic digester* (AD) sedia ada di loji rawatan kumbahan Sungai Besi yang diuruskan oleh IWK bagi merawat sebanyak 30 tan sehari sisa makanan dan enapcemar daripada loji rawatan kumbahan untuk menghasilkan biogas yang boleh dikomersialkan.

Bagi perancangan jangka panjang, KPKT telah mengenalpasti beberapa kemudahan lain yang boleh menjana tenaga boleh baharu seperti *Refuse Derived Facility* (RDF). Bagaimana pun, perlaksanaannya bergantung kepada kajian kemungkinan bagi kemudahan sisa pepejal yang akan dilaksanakan oleh KPKT pada tahun ini. Perlaksanaannya juga bergantung kepada peruntukan semasa Kerajaan selain perlu mendapat kelulusan DEIA sebelum ia dilaksanakan kelak.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014